

## PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENGUKURAN PEMATUHAN SYARIAH BAGI PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Mahyuddin bin Ismail<sup>1</sup>, Jahid bin Hj Sidek<sup>2</sup>, Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar<sup>3</sup>

<sup>1, 2</sup> Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

<sup>3</sup> Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam, UniSZA

E-mel: <sup>1</sup>mahyuddin@ump.edu.my, <sup>2</sup>anomjahid@gmail.com, <sup>3</sup>sylutfi@unisza.edu.my

### ABSTRAK

Bidang Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) semakin berkembang dan mendapat sambutan dari masyarakat di Malaysia. Sebahagian dari pengamal PT&K ini menggunakan jenama perubatan dan pengubatan Islam sebagai modal untuk menarik kepercayaan pesakit. Fenomena ini mencetuskan isu sama ada pengamal tersebut benar-benar menggunakan kaedah yang dibenarkan Syara' atau tidak. Tujuan utama kajian ini adalah untuk membina satu instrumen pengukuran patuh syariah bertujuan mengukur dan menilai tahap pematuhan syariah dalam kalangan pengamal PT&K khususnya pengamal pengubatan Islam. Pembangunan instrumen ini berdasarkan model ADDIE (*Analysis, Design, Development, Implementation & Evaluation*) sebagai kerangka gerak kerja. Sebanyak 8 domain telah dikenal pasti iaitu bacaan ruqyah, amalan perawat, kaedah rawatan, kaedah mengesan penyakit, bahan rawatan, tingkah laku dan etika perawat, latar belakang pendidikan perawat dan pengalaman perawat dengan indikator masing-masing. Kajian ini turut menetapkan tahap ujian dan kaedah pengiraan skor. Instrumen ini menjalani proses validasi bersama 6 orang pakar dalam bidang pengubatan Islam sebelum diuji pakai ke atas 16 responden yang merupakan pengamal pengubatan Islam yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kata kunci: Perubatan Tradisional dan Komplementari; Pengubatan Islam; Instrumen pengukuran pematuhan syariah;

### 1.0 Pendahuluan

Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) kian mendapat sambutan dari masyarakat global. Berdasarkan tinjauan kebangsaan penggunaan PT&K yang dijalankan pada tahun 2004, 69.4% rakyat Malaysia pernah menggunakan PT&K semasa hayat. Sementara 55.6% melaporkan pernah menggunakan PT&K dalam masa 12 bulan sebelum tinjauan dilakukan. Kajian seluruh dunia juga menunjukkan lebih daripada 40% penduduk sesebuah negara menggunakan PT&K untuk keperluan penjagaan kesihatan mereka (Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan). Sambutan yang menggalakkan ini telah menjadikan bidang PT&K ini sebagai salah satu bidang yang giat diterokai.

### 2.0 Permasalahan Kajian

Melalui pemerhatian, pengalaman dan juga laporan di media massa, terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan melakukan pelbagai kesalahan atas platform PT&K. Dari kesalahan berkaitan tatasusila dan etika hingga kepada jenayah berat seperti pembunuhan dan pemerkosaan. Khusus dalam kalangan perawat Melayu beragama Islam, sebahagian mereka menggunakan jenama 'perubatan atau rawatan secara Islam' sebagai *tagline* untuk menyakinkan pesakit walaupun kaedah dan bahan yang digunakan jelas bertentangan dengan syara'. Sesetengahnya pula memakai pelbagai gelaran seperti pengamal rawatan Islam, ustaz, kiyai, tabib dan lain-lain gelaran berunsur Islam. Sebahagian mereka turut melakukan perkara bid'ah dan penipuan ketika melakukan rawatan kepada pesakit (Ibrahim Abdul Alim: 2006). Sesetengahnya menggunakan kaedah rawatan yang berunsurkan sihir, tahayul, perdukunan dan azimat atas nama perawat Islam (Umar Hasyim: 1980). Terdapat juga perawat yang mendakwa dibolehkan bersahabat